

## Hamba yang Dikasihi Allah

Daripada Saad bin Abi Waqqas RA berkata, bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْعَبْدَ التَّقِيَّ الْغَنِيَّ الْخَفِيَّ

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Allah mencintai hamba yang bertakwa, kaya dan tekun beribadah dalam kesepian.*”

Riwayat Muslim (11)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini menunjukkan bahawa betapa Allah amat mengasihi hambanya yang bersifat takwa dan juga kaya. Kerana kedua-dua sifat ini apabila menghiasi seseorang sudah pasti membawa keberkatan hidup dan kelapangan bukan kepada dirinya sahaja tetapi seluruh masyarakat. Suka diperincikan di sini perkataan takwa mengikut pandangan ulama.
2. Takwa pada bahasa bermaksud *takut* atau *memelihara*. Adapun pada istilah terdapat definisi yang diberi oleh ulama antaranya:
  - Sayidina Ali RA berkata: *Takwa ialah takut kepada Tuhan al-Jalil, beramal dengan al-Quran yang diturunkan, reda dengan sedikit, bersedia untuk hari akhirat.*
  - Al-Nasr Abazi Rahimahullah berkata: *Takwa ialah seseorang memelihara selain daripada Allah.*

- Abu Bakar Muhammad al-Rauzabari Rahimahullah berkata: *Takwa ialah menjauhkan apa yang menjauhkan kamu daripada Allah.*
  - Zu al-Nun al-Misri Rahimahullah berkata: *Orang yang bertakwa ialah siapa yang tidak mengotorkan zahirnya dengan sebarang tentangan dan batinnya dengan sebarang alamat sedangkan dia berdiri bersama Allah dengan penuh kesepakatan.*
  - Ibn Ataillah Rahimahullah berkata: *Bagi takwa zahir dan batin. Zahirnya dengan menjaga had dan batasan dan batinnya dengan niat dan ikhlas.*
  - Talq bin Habib Rahimahullah berkata: *Takwa ialah amal dengan ketaatan kepada Allah atas cahaya Allah.*
  - Abu Hafs Rahimahullah berkata: *Takwa ialah pada perkara halal semata-mata bukan yang lain.*
  - Abu al-Husin al-Zanjani Rahimahullah berkata: *Siapa yang modal hartanya takwa, nescaya beratlah segala lidah daripada mensifatkan baunya.*
  - Al-Wasiti Rahimahullah berkata: *Takwa ialah seseorang memelihara dari takwanya, iaitu dari melihat ketakwaannya.*
2. Seterusnya dibincangkan faktor yang mencapai ketakwaan. Dr. Aidh al-Qarani berkata, terdapat dua faktor dalam meraih ketakwaan:
    - Merasakan pengawasan daripada Allah SWT Zat yang Maha Esa lagi Maha Tunggal.
    - Melaksanakan ibadah-ibadah wajib dan segala bentuk ketaatan.
  3. Adapun orang yang kaya sudah tentu dimuliakan oleh makhluk, tetapi apabila disertakan dengan takwa maka kemuliaan tersebut juga di sisi Allah SWT.
  4. Pada suatu hari Ibn Amir membeli sebuah rumah yang harganya sembilan ribu dirham. Pada malam harinya ia melihat rumah yang baru dibelinya itu. Tiba-tiba ia mendengar tangisan dari arah rumah tersebut. Ibn Amir bertanya: Kenapa orang itu menangis? Lalu diberitahu bahawa mereka menangis kerana rumahnya baru sahaja dijual. Sambil Ibn Amir memberitahu pembantunya supaya disampaikan kepada mereka bahawa wang yang sudah diberikan dan

rumah yang baru dibeli itu, semuanya dihadiahkan kepada mereka. Adakah orang seperti ini pada masa sekarang?

5. Laith bin Said, setiap hari tidak akan bercakap, kecuali setelah memberi sedekah kepada 360 fakir miskin. Seseorang datang ke rumah kawannya. Tuan rumah berkata: Ada apa, penting sekali nampaknya? Orang tersebut menjawab: Benar, saya berhutang empat ribu dinar. Apabila tuan rumah memberi empat ribu dinar untuk menyelesaikan hutangnya orang itu pun pulang. Tuan rumah menemui isterinya sambil menangis. Isterinya bertanya: Kenapa menangis, bukankah orang itu sudah ditolong sepenuhnya. Suaminya menjawab: Benar, ia tergesa-gesa pulang sedangkan ia belum sempat menanyakan hal-hal (kekurangan-kekurangan) yang lain. Barangkali ia masih memerlukan lebih daripada itu. Bolehlah wang simpananku aku berikan kepadanya.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Wanita cantik dan bertakwa, rumah yang luas, rezeki yang cukup dan tetangga yang soleh merupakan nikmat-nikmat yang hanya diketahui oleh sedikit orang.
- ❖ **Imam Syafie berkata:** Perkara yang paling mulia ada tiga. Pertama, merasa kaya walaupun hartanya sedikit. Kedua, warak ketika sunyi (bersendirian) dan ketiga, perkataan yang *haq* (benar) yang diucapkan kepada orang yang diharapkan bantuannya atau ditakutinya.

### Kisah Teladan

Al-Mughirah Ibn Syu'bah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Nabi Musa AS bertanya kepada Tuhannya: Bagaimanakah tingkatan para penghuni syurga yang paling rendah?

Tuhan menjawab: Seseorang datang setelah semua penghuni syurga masuk ke dalam syurga! Orang itu berkata: Wahai Tuhanku, bagaimana mungkin, kerana manusia sudah berada di tingkatannya masing-masing dan mereka mengambil apa

yang telah diambil mereka?

Dikatakan kepadanya: Apakah kamu reda mendapatkan seperti apa yang dimiliki seorang raja di dunia? Orang itu menjawab: Aku reda wahai Tuhanku. Tuhan berfirman: Demikian itu menjadi milikmu, kemudian yang seumpamanya, yang seumpama lagi, yang seumpama lagi.

Dikatakan pada kali yang kelima: Aku reda wahai Tuhanku. Tuhan berfirman: Demikian itu menjadi milikmu dan sepuluh kali ganda darinya dan bagimu apa pun yang kamu ingin dan apa yang kamu suka. Orang itu berkata Aku reda wahai Tuhanku.

Musa bertanya lagi: Wahai Tuhanku bagaimana pula tingkatan syurga itu paling tinggi? Tuhan menjawab: Mereka inilah orang-orang yang kuinginkan. Aku menanam kehormatan mereka dengan Tangan-Ku dan Aku pula yang memberi cap padanya, yang tidak pernah dilihat oleh mata, didengar oleh telinga dan tidak pula terlintas di hati seorang manusia pun.

